

SULIT
02/1
BAHASA MELAYU
Kertas1
Masa 1 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2009

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan aneka pilihan.
2. Jawab **semua** soalan
3. Semua jawapan anda hendaklah dihitamkan pada kertas jawapan yang disediakan
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Soalan 1 – 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Beras yang tumpah _____ di atas lantai itu disapu oleh kakak.
 - A berguguran
 - B bersepahan
 - C berhamburan
 - D berserakan

2. Orang buta itu _____ dilanggar kereta ketika dia hendak menyeberang jalan raya.
 - A hampir-hampir
 - B dekat-dekat
 - C akan-akan
 - D tepat-tepat

3. Disebabkan beberapa masalah, mesyuarat bulanan persatuan itu terpaksa _____ ke suatu tarikh yang akan diumumkan kelak.
 - A dibubarkan
 - B ditangguhkan
 - C dihentikan
 - D diberitahu

4. Para penonton terpeseona _____ kemerduan suara penyanyi itu mendendangkan lagu nasyid..
 - A dengan
 - B tentang
 - C kepada
 - D oleh

5. Setelah bertahun-tahun menghilangkan diri, akhirnya ia _____ di kampungnya..
 - A muncul
 - B timbul
 - C tampil
 - D wujud

6. Ibu sangat gembira kerana pada pada hari jadinya, ayah telah menghadiahkan _____ kalung berlian.

- A sebentuk
- B seutas
- C seuntai
- D seurat

7. Puan Ziah bercadang untuk _____ perniagaan kainnya dengan membuka cawangan di Kuala Lumpur.

- A membesar
- B memperbesarkan
- C membesari
- D memperbesar

Soalan 8 – 14

Ayat-ayat yang berikut **mungkin betul** dan **mungkin salah** . Jika **terdapat kesalahan** , kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan **D** .

Pilih jawapan yang **paling sesuai** .

8. Belakangan ini pemantauan pascaprojek pembangunan perlu dilakukan bagi
 A B
mempastikan keberkesanannya. Tiada kesalahan
 C D

9. Apabila menghadapi apa-apa jua masalah dalam kehidupan, kita hendaklah
 A B
 Berdoa pada Yang Maha Esa. Tiada kesalahan
 C D

10. Ucapan tahniah atas perlantikan sebagai ketua pengarah bertalu-talu
 A B
diterimanya sejak pagi tadi. Tiada kesalahan
 C D

11. Semua kanak-kanak di situ dinasihati supaya tidak mandi dan bermain di
 A B C
 lombong tinggal itu. Tiada kesalahan
 D

12. Aktivis masyarakat itu dianugerahkan pingat kebesaran atas jasanya dalam
 A B C
 kerja-kerja kemasyarakatan. Tiada kesalahan
 D

17. I Nilai kereta itu semakin *kusut* setelah digunakan beberapa tahun.
II Tubuhnya kelihatan *kusut* akibat demam yang dialaminya beberapa lama.
III Setelah mengadakan perbincangan, perkara yang *kusut* itu telah dapat diselesaikan.
IV Keadaan benang itu telah *kusut* menyebabkan sukar untuk mencari puncanya.
- A I dan II
B I dan IV
C III dan IV
D II, III dan IV

Soalan 18 – 21

Sebahagian daripada ayat berikut telah digarisi. Bahagian yang **bergaris** itu **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.

Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu **salah** dan perlu diubah, anda **hendaklah menandakan A, B** atau **C** sebagai pilihan jawapan anda. Jika **tiada kesalahan** tandakan **D**.

18. Terjawab juga oleh kami soalan-soalan yang sangat sukar itu.
- A Dijawab juga kami
B Terjawab kami juga
C Dijawab juga oleh kami
D Terjawab juga oleh kami
19. Pelancong itu sedang menanyakan akan polis jalan menuju ke Muzium Negara.
- A bertanya polis
B menanyai polis
C bertanyakan polis
D menanyakan akan polis
20. Askar-askar itu berjuang demi untuk negara yang mereka cintai.
- A demi negara yang mereka cintai
B demi negara yang dicintai mereka
C untuk negara yang mereka cintai
D demi untuk negara yang mereka cintai
21. Kedua-dua orang adik-beradik itu ialah anak kepada Pak Man.
- A Kedua adik –beradik itu
B Kedua-dua adik-beradik itu
C Kedua orang adik-beradik itu
D Kedua-dua orang adik-beradik itu

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau yang **paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal**.

22. Pihak pemaju perumahan digesa agar membina lebih banyak rumah kos rendah untuk keperluan golongan berpendapatan rendah.

- A. Golongan miskin sentiasa mengharapkan pemaju perumahan membina rumah kos rendah dengan lebih banyak.
- B. Rumah kos rendah hendaklah didirikan oleh pemaju perumahan kerana diperlukan oleh golongan berpendapatan rendah
- C. Golongan berpendapatan rendah memerlukan rumah kos rendah, yang banyak dibina oleh pihak pemaju perumahan..
- D. Demi kepentingan golongan kurang berkemampuan, pemaju perumahan diminta supaya banyak mendirikan rumah kos rendah.

23. Malaysia sebagai negara yang sedang membangun tidak harus terlalu mengharapkan tenaga buruh asing.

- A. Sebagai negara yang sedang meningkat maju, Malaysia tidak sewajarnya bergantung kepada tenaga kerja luar.
- B. Malaysia tidak perlu mengharapkan tenaga buruh asing untuk membangunkan negara ini.
- C. Pengambilan buruh asing di negara yang sedang membangun tidak patutnya dilakukan oleh Malaysia.
- D. Malaysia sebagai negara maju tidak sepatutnya mengharapkan tenaga kerja asing untuk membangunkannya.

24. Kempen inflasi sifar tidak berjaya sepenuhnya kerana kurang mendapat kerjasama daripada para peniaga.

- A. Sokongan yang kurang daripada peniaga-peniaga menyebabkan kempen inflasi sifar gagal mencapai matlamat keseluruhannya..
- B. Sikap para peniaga yang mahu mengaut keuntungan yang tinggi telah menggagalkan kempen inflasi sifar.
- C. Kurangnya kerjasama yang sepenuhnya daripada para peniaga menyebabkan kempen inflasi sifar telah gagal.
- D. Keberkesanan kempen inflasi sifar hanya akan berjaya jika para peniaga memberikan sokongan.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

25. I Hanisah menyatakan yang dia tidak akan menyertai rombongan tersebut walaupun telah dipujuk oleh gurunya.
II Basikal itu dibeli ayah untuk saya kerana kejayaan saya dalam peperiksaan PMR lalu.
III Amirah menangis oleh kerana anaknya yang hilang itu belum ditemui lagi.
IV Bas ekspres itu bolak-balik dari Kuantan ke Kuala Lumpur pada setiap minggu.
A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D I, III dan IV
26. I Udara kotor di kawasan itu mencemarkan alam yang bersih.
II Encik Razak mengambilkan isterinya ubat demam untuk dimakan..
III Azizan membawakan gurunya hadiah pada hari guru.
IV Petani itu sedang mengisi padi dalam guni untuk dibawa pulang.
A I dan III
B II dan III
C II dan IV
D I, II dan IV
27. I Bapanya bukan pergi ke pejabat pada hari ini.
II Kedua suami isteri itu bekerja keras demi masa depan anak-anaknya.
III Pelajar yang kena hukuman oleh gurunya itu telah menginsafi kesilapannya..
IV Kita harus berwaspada agar tidak diperalatkan oleh orang lain.
A III
B I dan II
C III dan IV
D I, II dan IV

Soalan 28 – 30

Pilih **peribahasa yang paling sesuai** bagi ayat-ayat yang berikut.

28. Walaupun kehidupannya susah tetapi Pak Amri telah melakukan pelbagai kerja dan berjimat cermat dalam berbelanja untuk menyekolahkan anak-anaknya. ini kehidupannya berubah setelah anak-anaknya berjaya dalam kerjaya masing-masing. Usaha Pak Amri boleh dikatakan seperti peribahasa berikut **kecuali**
A Di mana ada kemahuan di situ ada jalan
B Sehari selembat benang lama-lama menjadi kain
C Berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak
D Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

29. Asyraf berjaya mendapat pekerjaan di Kuala Lumpur tetapi ibunya mahu dia terus tinggal di kampung untuk membantunya. Situasi ini menyebabkan Asyraf berasa tertekan untuk membuat pilihan.
Peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi di atas ialah
- A hilang di mata, di hati jangan
 - B rambut sama hitam, hati lain-lain
 - C ditelan mati emak, diluahkan mati bapak
 - D yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
30. Emak menasihati adik supaya belajar bersungguh-sungguh agar mencapai kejayaan dalam pelajaran.
Pernyataan di atas sesuai dipadankan dengan peribahasa
- A Diam ubi berisi, diam penggali berkarat
 - B Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih
 - C Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
 - D Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sebermula, maka tersebutlah perkataan juragan kapal. Telah hari siang, pagi-pagi hari, maka juragan pun bersiaplah naik ke darat diiringkan oleh anak-anak perahunya membawa naik anak itik itu. Maka baginda pun sudah hadir di atas singgahsana takhta kerajaan dihadapi oleh sekalian menteri, hulubalang, sida-sida, bentara, rakyat bala, hina dina hendak melihat temasya itu. Hatta baginda pun menitahkan seorang biduanda memanggil Ahlil Nujum Belalang dengan segeranya. Maka biduanda pun menyembah lalu turun berjalan ke rumah Ahlil Nujum Belalang. Maka katanya, "Titah tuanku memanggil Ahlil Nujum; Juragan dan sekalian orang telah berhimpun di balai semuanya."

Maka Ahlil Nujum pun bersiap-siapkan sirehnya lalu menghadap baginda. Maka sampailah di balairung seri. Maka titah baginda, "Marilah ke mari." Ahlil Nujum Belalang pun dekatlah dengan baginda. Maka titah baginda, "Apakah hal Ahlil Nujum, hendak mengenal anak itik itu jantan betinanya?" Maka sembah Pak Belalang, "Ampun tuanku beribu-ribu ampun, jenuh patik mencari di dalam buku tib patik. Maka dapatlah patik di dalam buku kecil sahaja ada di dalam dua baris tertulis di situ mengatakan demikian. Bahawasanya ada pun hendak mengenal anak itik jantan betinanya dengan air. "Maka titah baginda menyuruh ambilkan suatu terenang emas. Maka dibawa oleh dayang-dayang dipersembahkan kepada baginda. Maka titah baginda, "inilah air, Ahlil Nujum."

Maka sembah Pak Belalang, "Kemudian dilepaskan seekor; mana-mana yang dahulu menyelam, itulah betina dan yang kemudian menyelam itulah jantannya. "Maka titah baginda, "Lepaskanlah."

Sembah Pak Belalang, "Silakanlah tuanku melepaskannya. "Titah baginda. "Beta tia tahu." Maka Pak Belalang pun bangun seraya menyembah melepaskan anak itik itu. Maka apabila dilepaskannya seekor di dalam terenang, maka anak itik itu pun

lalu menyelam. Maka sembah Pak Belalang, "Itulah betina, tuanku. "Kemudian dilepaskan pula seekor lagi, lambat menyelam.

Titah baginda, "Lambat pula menyelam itu." Sembah Pak Belalang, "yang lambat menyelam itu jantan, tuanku."

Maka baginda pun memandang kepada juragan kapal itu. Titah baginda, "Apakah benar juragan, betulkah seperti kata Ahlil Nujum beta itu?" Maka jawab juragan itu seraya menyembah, "Benarlah tuanku seperti kata Ahlil Nujum ini. *Di manakah hendak patik simpangkan perkataan yang sebenar ini?*"

Dipetik daripada.
"Pak Belalang"
(Antologi Anak Bumi Tercinta)

31. Mengapakah baginda memanggil Ahlil Nujum ke istana?

- A Baginda telah menyanggupi untuk bertaruh dengan juragan kapal
- B Baginda ingin mendapatkan pandangan Pak Belalang tentang cara menentukan jantina anak itik
- C Baginda mahu Pak Belalang mencari jawapan untuk baginda
- D Baginda ingin mengetahui jawapan tentang cara menentukan jantina anak itik

32

Di manakah hendak patik simpangkan perkataan yang sebenar ini?

Ungkapan di atas menggambarkan juragan seorang yang

- A tidak berpura-pura
- B tidak bercakap bohong
- C tidak membohongi raja
- D tidak mahu menyembunyikan jawapan

33. Berikut merupakan nilai-nilai yang terkandung dalam petikan, **kecuali**

- A jujur
- B bijaksana
- C taat setia
- D bercakap benar

34. Pilih urutan peristiwa berikut dengan tepat berdasarkan susunan peristiwa dalam cerita Pak Belalang.

- A Juragan menghadap raja → persetujuan dicapai → nyatakan pertaruhan → rahsia bocor
- B Juragan menghadap raja → nyatakan pertaruhan → rahsia bocor → persetujuan dicapai
- C Juragan menghadap raja → nyatakan pertaruhan → persetujuan dicapai → rahsia bocor
- D Persetujuan dicapai → juragan menghadap raja → nyatakan pertaruhan → rahsia bocor

35. Bagaimanakah kesudahan cerita ini?

- A Juragan terpaksa menyerahkan kapal dan segala muatannya
- B Pak Belalang dapat menjawab soalan yang dikemukakan
- C Juragan menyesal kerana bertaruh dengan raja
- D Juragan dihantar pulang berserta dengan bekalan makanan ke negerinya

Soalan 36 - 40

Baca sajak di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

NEGERI CINTA

Alam adalah sebahagian daripada kita
alam adalah syurga kami
cinta kepadanya cinta jutaan bunga-bunga
cinta kepadanya cinta jutaan jiwa manusiawi

Di sana negeri tercantik
negeri terlindung di luar penglihatan
negeri kerinduan, negeri penghijrahan
dari buruan kehidupan yang mencekik.

Ini laut kita, lindungilah dari pencemaran
ini hutan kita, lindungilah dari pemusnahan
ini langit kita, lindungilah dari keracunan
ini sungai kita, lindungilah dari pembuangan.

Malaysia negeri alam dunia sebelah sini
negeri impian, negeri gemerlapan
lindungi dari **keganasan-keganasan modenisasi**
negeri cinta, negeri budaya, negeri perpaduan.

Nahmar Jamil

(Dipetik daripada Antologi Se hijau Warna Daun,
Tingkatan 1, DBP)

36. Harapan penyajak kepada pembaca

- A menghargai negeri yang cantik
- B melindungi alam daripada kemusnahan dan pencemaran
- C menghargai apa-apa sahaja yang tumbuh di muka bumi ini
- D mengekalkan keamanan dan keharmonian supaya terhindar daripada sebarang ancaman

37. Perkara-perkara yang berikut ingin dipertahankan oleh penyajak **kecuali**
- A keamanan
 - B kekuatan
 - C kebudayaan
 - D perpaduan
38. Nilai yang berikut terdapat dalam sajak kecuali
- A cinta akan alam semula jadi
 - B cinta akan tanah air
 - C kerjasama
 - D prihatin
39. Berdasarkan petikan "kehidupan yang mencekik" ialah gaya bahasa
- A metafora
 - B perlambangan
 - C personifikasi
 - D paradoks
40. Pengajaran yang berikut terdapat dalam sajak, **kecuali**
- A Kita hendaklah menentang proses modenisasi
 - B Kita hendaklah memelihara keindahan alam untuk kesejahteraan
 - C Kita hendaklah menjaga kedamaian dan keharmonian antara kaum
 - D Kita hendaklah merancang pembangunan yang menitikberatkan alam sekitar